

# Sidang Parlimen perlu disegerakan: Dr M

**Langkawi:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berpendirian sidang Parlimen perlu diadakan segera.

Beliau yang juga Pengerusi Penaja Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) merangkap Ahli Parlimen Langkawi berkata, sehingga kini tiada rekod menunjukkan Ahli Parlimen yang menghadiri sidang Parlimen dijangkiti virus COVID-19.

“Saya berusia 95 tahun dan kerap pergi Parlimen, tetapi tidak dapat sakit dan saya tidak dijangkiti wabak itu selepas menghadiri sidang (Parlimen).

“Bagi alasan (tanggung sidang Parlimen) kononnya ada orang tua dan sebagainya, ini bukan alasan munasabah untuk tidak mengadakan sidang Parlimen,” katanya.

Beliau yang menerima suntikan vaksin COVID-19 bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Pusat Vaksin Kompleks Sukan Langkawi (KSL) di sini semalam, berkata rekod menunjukkan Ahli Parlimen dijangkiti dan dirawat akibat COVID-19 adalah disebabkan pergerakan mereka ke tempat lain, bukannya menghadiri sidang Parlimen.

“Sebelum suntikan vaksin dibuat, kita sudah buat peraturan



*Pegawai Pembedaan Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi memeriksa suhu badan Dr Mahathir selepas menerima suntikan vaksin COVID-19 di Langkawi, semalam.*

*(Foto BERNAMA)*

dalam Parlimen dan ia berkesan untuk mencegah daripada dijangkiti.

“Tiada masalah jika hendak pasang penghadang plastik, malah jika diarah duduk jauh (antara satu sama lain) pun tidak mengapa, kita terima,” katanya.

Dr Mahathir juga berharap le-

bih ramai rakyat Malaysia tampil mendaftar mendapatkan vaksin COVID-19 melalui pendaftaran di aplikasi MySejahtera dan kaedah lain disediakan kerajaan.

“Saya berasa lega, tak rasa apa pun (ketika disuntik), sekejap sangat tak sampai satu minit, malah masa diperlukan lebih lama

ketika kita mendaftar untuk mendapatkan vaksin sebab perlu jawab banyak soalan.

“Ada vaksin yang perlu disuntik dua kali, malah ada cuma sekali, tetapi vaksin COVID-19 yang diluluskan pihak berkuasa semua sudah ditapis dan berkesan,” katanya.